

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]**

**TARIKH : 18 Oktober 2016 (Selasa)**

**SOALAN : Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan  
apakah tindakan dan rancangan  
segera Kerajaan untuk meningkatkan  
hasil produk makanan negara supaya  
tidak terlalu bergantung kepada import  
makanan dari negara asing yang kini  
mencecah paras RM32.1 bilion.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah dan akan terus melaksanakan strategi-strategi seperti berikut bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import:

- i) Projek pengeluaran makanan secara berskala besar dan komersial melalui projek-projek pemulaan (*Entry Point Project-EPP*) di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) seperti Projek Taman Pengeluaran Makanan, Perniagaan Akuakultur Melalui Sangkar Bersepadu dan Memperkuuh Tanaman Padi bagi menjamin bekalan makanan dalam negara;
- ii) Program peningkatan populasi ternakan ruminan melalui pelaksanaan Projek Pembangunan Ruminan (PROPER) dan mengoptimumkan penggunaan rizab-rizab haiwan sebagai kawasan pengeluaran ternakan dan pengeluaran makanan ternakan;
- iii) Mempergiat pelaksanaan Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Projek Pembangunan Tanah Terbiar, Projek Pembangunan Tanaman Buah-Buahan, Projek Pembangunan Tanaman Sayur-Sayuran dan Tanaman Kontan, Projek Pembangunan

- Industri Tanaman Kelapa serta penambahan kawasan baharu untuk pengeluaran bagi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran serta buah-buahan domestik;
- iv) Meningkatkan penggunaan teknologi dan mekanisasi yang dapat meningkatkan produktiviti dan meminimakan kehilangan lepas tuai.
  - v) Mempergiatkan Program Agroprenuer Muda bagi menggalakkan penyertaan usahawan muda dalam bidang pertanian;
  - vi) Memperkasakan pembangunan industri tenusu termasuk baka bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu; dan
  - vii) Melaksanakan pembangunan Industri Jagung Bijirin di kawasan-kawasan pertanian seperti di luar jelapang padi bagi menangani import jagung bijirin bagi tujuan makanan ternakan.